

BERITA HARIAN

DATE: 17/4/2010

## Pertemuan Najib, Obama dianggap antara terbaik

**K**UALA LUMPUR: Penolong Setiausaha Negara Amerika Syarikat bagi Hal Ehwal Asia Tenggara dan Pasifik, Dr Kurt Campbell berkata pertemuan dua hala Datuk Seri Najib Razak dan Presiden Barack Obama di Washington, Isnin lalu adalah antara yang terbaik yang pernah disaksikannya.

Akhbar *Straits Times* Singapura dalam satu laporan oleh wartawanya di Was-

hington, Tracy Quek yang memetik Campbell sebagai berkata, beliau yakin hasil daripada perbincangan kedua-dua pemimpin itu, hubungan Malaysia-Amerika Syarikat akan meningkat.

Bercakap pada satu forum mengenai hubungan Malaysia-Amerika Syarikat anjuran Pusat Kajian Strategik dan Antarabangsa yang diadakan dua hari selepas pertemuan kedua-dua pemim-

*BH-17/04/2010*  
pin itu, Campbell berkata keyakinan beliau berdasarkan kepada ramuan yang menjurus ke arah peningkatan itu.

Di Washington Isnin lalu, Najib dan Obama mengadakan pertemuan dua hala selama 40 minit bagi membincangkan pelbagai perkara seperti perdagangan, usaha Amerika Syarikat membangunkan semula Afghanistan dan usaha Malaysia

memperkenalkan langkah baru dalam bidang ekonomi untuk menjadikannya negara berpendapatan tinggi.

Campbell juga menyentuh mengenai kematangan hubungan Amerika-Malaysia kerana mendapati Najib dan Obama berjaya membincangkan bukan saja isu yang mempunyai kaitan bersama tetapi isu mencabar tanpa menyinggung perasaan sesiapa.

Beliau sebelum itu telah mengimbas kembali mengenai hubungan Amerika Syarikat dan Malaysia yang kurang baik seketika dulu.

"Ada antara kita masih ingat satu tempoh dalam tahun 90-an apabila dalam soal ketenteraan, semuanya berjalan baik, tetapi daripada segi politik, adakalanya kita ter-bawa-bawa oleh perkara retorik," kata Campbell. - Bernama